

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT MENGAWAL PERKHIDMATAN TRANSAKSI TABUNG HAJI MELALUI MESIN JURUWANG AUTOMATIK (ATM) DAN MESIN DEPOSIT TUNAI (CDM) CIMB

1. Perkhidmatan Transaksi Tabung Haji melalui Mesin Juruwang Automatik (ATM) dan Mesin Deposit Tunai (CDM) CIMB ("Perkhidmatan TH") adalah disediakan oleh CIMB Islamic Bank Berhad 200401032872 (671380-H) ("CIMB") bersama-sama dengan Lembaga Tabung Haji (dikawal oleh Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535)) ("Tabung Haji") untuk memudahkan transaksi-transaksi anda berhubung dengan akaun Tabung Haji yang dikekalkan dengan Tabung Haji ("Akaun TH"). Penggunaan Perkhidmatan TH hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ("Terma") yang dinyatakan selepas ini dan dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa CIMB dan CIMB Bank Berhad yang mengawal Debit Mastercard.
2. Dengan menggunakan Perkhidmatan TH, anda menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma ini. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan Terma ini, sila jangan gunakan Perkhidmatan TH dan segera batalkan pautan Debit Mastercard anda daripada Akaun TH di mana-mana ATM CIMB.
3. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara Terma ini dan yang terkandung dalam Terma-terma dan Syarat-syarat semasa CIMB dan CIMB Bank Berhad yang mengawal Debit Mastercard, Terma ini akan digunapakai setakat mana ia terpakai kepada Perkhidmatan TH.

KELAYAKAN

Perkhidmatan TH terbuka kepada semua pelanggan Debit Mastercard CIMB Islamic Bank Berhad dan CIMB Bank Berhad ("Pelanggan CIMB") yang berusia 18 tahun dan ke atas dan mempunyai Akaun TH.

CARA MEMOHON

1. Pelanggan CIMB mesti memautkan CIMB Debit Mastercard mereka ke akaun TH untuk menikmati Perkhidmatan TH. Pada masa ini pautan hanya boleh dilakukan melalui Mesin Juruwang Automatik ("ATM") CIMB dengan bayaran sifar.
2. Langkah-langkah untuk memautkan CIMB Debit Mastercard ke akaun TH melalui ATM CIMB:
 - Masukkan CIMB Debit Mastercard
 - Pilih Bahasa
 - Masukkan PIN
 - Dalam Menu Utama, pilih "Lain-lain"
 - Pilih "Tabung Haji (TH)"
 - Pilih "Pautan Akaun"
 - Masukkan nombor akaun Tabung Haji
 - Pilih "Tekan jika betul"
 - Permintaan pautan akaun diproses dan slip transaksi dijana
3. Langkah-langkah untuk membatalkan pautan CIMB Debit Mastercard ke akaun TH melalui ATM CIMB:
 - Masukkan CIMB Debit Mastercard
 - Pilih Bahasa

- Masukkan PIN
- Dalam Menu Utama, pilih “Lain-lain”
- Pilih “Tabung Haji (TH)”
- Pilih “Batal Pautan Akaun”
- Masukkan nombor akaun Tabung Haji
- Pilih “Tekan jika betul” untuk meneruskan
- Permintaan batal pautan akaun diproses dan slip transaksi dijana

Perkhidmatan Yang Disediakan

4. Perkhidmatan TH yang disediakan adalah seperti berikut:

- Pertanyaan Baki akaun TH
- Pengeluaran tunai daripada akaun TH sendiri
- Deposit tunai kepada akaun TH sendiri
- Pemindahan dana – akaun CIMB kepada akaun TH sendiri
- Pemindahan dana – akaun CIMB kepada akaun TH pihak ketiga
- Pemindahan dana – akaun TH sendiri kepada akaun CIMB sendiri

BAYARAN & CAJ

5. Bayaran dan caj untuk transaksi-transaksi Perkhidmatan TH yang dilakukan di ATM, CDM and Clicks CIMB adalah seperti jadual berikut:

No.	Jenis Transaksi	Bayaran Transaksi	Had Transaksi Harian	Servis Melalui:		
				ATM	CDM	Clicks
1	Pertanyaan baki akaun TH	Percuma	-	√		
2	Pengeluaran tunai daripada akaun TH	RM1.00	RM10,000 had gabungan harian TH	√		
3	Pemindahan dana – akaun TH sendiri kepada akaun CIMB sendiri	RM1.00		√		√
4	Pemindahan dana – akaun CIMB kepada akaun TH pihak ketiga	RM1.00	RM10,000 had gabungan harian TH	√		√
5	Pemindahan dana – akaun CIMB kepada akaun TH sendiri	RM1.00		√		√
6	Tukar had pengeluaran / pemindahan tunai untuk akaun TH sendiri	Percuma	-	√		
7	Deposit tunai kepada akaun TH sendiri	RM1.00	-		√	
8	Pertanyaan baki akaun TH	Percuma	-		√	

6. Dengan menyertai Perkhidmatan TH ini, Pelanggan CIMB dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma yang dinyatakan di sini dan bersetuju bahawa apa-apa dan semua keputusan yang dibuat oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Perkhidmatan TH adalah muktamad.
7. Dana yang dikeluarkan daripada akaun Pelanggan CIMB di CIMB Islamic Bank Berhad atau CIMB Bank Berhad dan dipindahkan ke mana-mana akaun Tabung Haji tidak lagi dilindungi oleh pihak Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").
8. CIMB menyimpan hak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Perkhidmatan TH dengan memberikan notis yang tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penamatan atau penggantungkan oleh CIMB tidak akan melayakkan Pelanggan CIMB atau mana-mana jua orang lain untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungkan.
9. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun berkenaan dengan kegagalan teknikal yang apa jua jenisnya, apa-apa halangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan mana-mana transaksi yang berkaitan dengan Perkhidmatan TH melainkan jika ia disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
10. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara Terma versi Bahasa Malaysia dan Terma versi Bahasa Inggeris atau Terma bahasa lain, Terma versi Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas di mana permintaan telah dibuat oleh Pelanggan CIMB dan dicatat dan diakui oleh Bank dalam rekodnya bahawa Terma versi Bahasa Malaysia ini hendaklah mengawal operasi Perkhidmatan TH, maka Terma versi Bahasa Malaysia akan mengatasi yang lain.
11. Sekiranya terdapat sebarang aduan yang berkaitan dengan Perkhidmatan TH, Pelanggan CIMB boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor telefon dan faksimile dan alamat e-mel yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor telefon dan alamat e-mel lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Pelanggan CIMB):

Unit Resolusi Pelanggan

- Alamat : Customer Resolution Unit (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan
- No. Telefon : +603 6204 7788
- No. Fax : +603 2691 3248
- Alamat E-mel : CRU@cimb.com